ISSN 2180-3684 • Bil 11/14
KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

NOVEMBER 2014



Pupuk Tabiat Kewangan Kanak-Kanak

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Santhosh Kannan

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتقكن اساس جاى (ملیسیا) سندیرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Pupuk Tabiat Kewangan Kanak-Kanak

Pendidikan kewangan semenjak usia muda adalah sangat penting bagi memupuk budaya menabung dalam kalangan kanak-kanak. Sebagai ibu bapa, tentu anda mencari-cari tip bagaimana untuk mengalakkan anak-anak anda mencipta kewangan mereka sendiri. Pengetahuan kewangan perlu diterapkan semenjak kanak-kanak memahami fungsi wang. Ia boleh dimulakan semenjak kanak-kanak berusia 1 tahun. Pendekatan apakah yang boleh gunakan bagi menarik minat anak-anak anda?

Pendekatan 1: Berikan anak anda wang setiap hari

Anda boleh mulakan dengan memberi wang kepada anak anda seawal usia 1 tahun atau 2 tahun. Anda boleh menyediakan tabung untuk anak anda menyimpan wang yang anda berikan setiap hari. Sambil anda memberikan wang, anda boleh menceritakan mengapa anak anda perlu menyimpan wang. Contohnya, maklumkan bahawa dengan wang tersebut, anak anda boleh membeli kereta mainan kawalan jauh.

Pendekatan 2: Sediakan tabung berbentuk ikon kesukaan anak anda

Kanak-kanak mudah tertarik dengan tabung yang menggunakan pelbagai warna. Anda boleh membeli tabung ikon kesukaan anak anda. Jika anda

seorang yang kreatif, anda juga boleh membuat tabung sendiri di rumah.

Pendekatan 3: Membeli alat mainan hasil daripada simpanan wang anak anda

Anak anda selalunya akan meminta anda membelikan alat mainan yang mereka mahu. Walaupun anda mampu membelinya dengan wang anda, didik anak anda untuk membeli alat mainan hasil daripada wang simpanan mereka. Bawa wang / tabung di kedai permainan. Anak anda akan belajar melalui amalan ini, "sekiranya inginkan sesuatu impian / matlamat, mereka perlu berusaha untuk menabung terlebih dahulu".

Pendekatan 4: Berikan wang secukupnya apabila anak anda inginkan sesuatu

Kadang-kadang anda akan membawa anak-anak ketika pergi membeli belah. Anak anda akan turut sama memilih barangan yang mereka mahu. Anda boleh melatih anak anda dengan memberikan sejumlah wang yang secukupnya untuk mereka bayar. Contoh, anda memberikan wang RM5 untuk melatih anak anda supaya membeli barangan yang sama harganya atau di bawah nilai RM5 tersebut.



Pendekatan 5: Membezakan antara keperluan dengan kehendak

Kanak-kanak mudah tertarik dengan pelbagai tawaran dan iklan di media massa. Anda tidak akan terkejut sekiranya anak anda boleh mengenali beberapa jenama makanan segera terkemuka pada usia 1 atau 2 tahun. Anda boleh mendidik anak anda membezakan keperluan dan kehendak menggunakan *'flash card'*. Keperluan setiap individu adalah berbeza. Anda boleh menyediakan *flash card* dengan melukis sendiri atau membeli di kedai-kedai buku.



Pendekatan 6: Bermain monopoli

Anda boleh membelikan permainan monopoli sekiranya anak anda telah memahami konsep wang. Permainan monopoli ini melibatkan wang, iaitu untuk menjual beli aset, pelaburan, simpanan dan sebagainya. Anda boleh menjadikan permainan ini sebagai aktiviti sekeluarga pada masa lapang.

Pendekatan ini merupakan cadangan berdasarkan pengalaman mengadakan program-program pendidikan kewangan. Anda boleh mencuba mana-mana pendekatan yang bersesuaian dengan peringkat umur anak anda.

Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan untuk Pengguna Malaysia (ERA Consumer Malaysia), yang merupakan ahli gabungan FOMCA, telah membangunkan modul khusus untuk kanak-kanak pra sekolah yang dinamakan 'Ringgit Pertama Saya'. Pendekatan secara interaktif ini dapat menarik minat kanak-kanak untuk memahami nilai wang.

Sumber: FOMCA




Penabungan 1/3 Sekarang Bagi 2/3 Penggantian Pendapatan Masa Depan

Seperti yang dinyatakan dalam artikel RINGGIT isu bulan September 2014, adalah penting bagi anda memastikan bahawa memiliki 2/3 penggantian pendapatan gaji terakhir yang disyorkan sebagai pendapatan persaraan bulanan untuk terus menikmati gaya hidup yang anda telah biasakan. Bagi anda yang berkhidmat dalam sektor swasta, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah sumber utama dana persaraan anda. Sebagaimana yang diketengahkan dalam artikel sebelum ini, caruman mandatori kepada KWSP mungkin tidak mencukupi untuk menggantikan 2/3 pendapatan akhir anda. Ini juga telah dilaporkan dalam banyak artikel yang mengutarakan keperluan menabung lebih banyak untuk persaraan melangkaui caruman terhadap KWSP.


Pada peringkat kebangsaan, nisbah penggantian pendapatan semasa Malaysia adalah pada tahap 30%, berbanding purata 57% bagi negara-negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD). Menjelang tahun 2020, Malaysia akan bergerak ke arah masyarakat berusia, dengan 11.3% daripada penduduk dalam usia persaraan, iaitu lebih daripada 60 tahun. Oleh itu, anda perlu menangani kedua-dua isu di peringkat kebangsaan dan individu sebelum ia menjadi masalah sosio ekonomi bagi kebanyakan rakyat Malaysia yang tidak akan mampu menggantikan 2/3 daripada gaji terakhir mereka.

Maka, apakah penabungan wajar bagi persaraan? Kaji selidik Pentadbir Pencen Swasta (PPA) menunjukkan bahawa anda perlu menyediakan 1/3 pendapatan bulanan anda untuk mencapai 2/3 penggantian pendapatan. Sementara perkara ini dilihat 'sangat sukar' dengan paras pendapatan semasa dan hal-hal berkaitan kos kehidupan, untuk memperuntukkan 1/3 pendapatan bulanan, namun ia tetap boleh dilakukan dan tidak setinggi yang anda fikirkan. Sebagai rakyat Malaysia, anda bertuah kerana memiliki caruman mandatori minimum KWSP berjumlah 23% (iaitu 11% daripada pekerja dan 12% caruman minimum majikan). Anda hanya perlu membuat tabungan tambahan 10% atau lebih, untuk menjadikan 1/3 atau 33% tabungan untuk dana persaraan anda.

Rakyat Malaysia amat bertuah kerana terdapat agensi seperti KWSP yang ditubuhkan sebagai Teras Pencen Kedua mandatori. Tanpa KWSP, anda terpaksa memperuntuk 1/3 tabungan daripada pendapatan bulanan. Dengan pelancaran Skim Persaraan Swasta (PRS) pada Julai 2012, ia bertujuan untuk menangani nisbah penggantian pendapatan sebanyak 30%. Oleh itu, kini rakyat Malaysia memiliki Teras Pencen Ketiga sukarela bagi membantu mereka melakukan penabungan tambahan bagi menyokong KWSP. Pada masa akan datang, rakyat Malaysia akan memiliki dua teras penabungan persaraan dengan bilangan besar dana mereka datang daripada KWSP dan penabungan tambahan daripada PRS.



Memandangkan anda perlu menggantikan pendapatan apabila anda bersara, bagi menyediakan keperluan semasa tempoh persaraan, maka anda perlu membangunkan dana persaraan untuk menjana pendapatan secukupnya dalam tempoh kerangka masa yang berbaki sebelum mencecah usia persaraan 60 tahun. Matlamat dana ini sebagai persediaan untuk mendapatkan sejumlah wang yang mencukupi berdasarkan paras yang anda inginkan, yang boleh menjana aliran pendapatan persaraan pasif untuk menggantikan 2/3 gaji terakhir anda. Untuk meningkatkan dana persaraan masa depan, anda perlu memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:



- Memperuntuk masa untuk melabur dalam pelan persaraan anda bagi mengumpul dana yang diperlukan bagi menjana penggantian pendapatan untuk persaraan anda.
- Dapatkan maklumat tentang jumlah dana KWSP yang telah anda kumpulkan sehingga hari ini dan tabungan-tabungan lain untuk persaraan serta penabungan lain yang perlu anda buat.
- Tetapkan penabungan tambahan untuk melengkapkan keperluan caruman 1/3 persaraan semasa anda bagi melengkapkan 2/3 penggantian pendapatan masa hadapan.
- Buka akaun PRS anda untuk menempatkan caruman tabungan tambahan ke dalam dana PRS yang akan menyediakan potensi pertumbuhan terkumpul.

Sememangnya, perkara ini perlu diuruskan seberapa awal yang boleh sebelum tarikh persaraan anda makin hampir. Lagi lambat anda membuat perancangan, maka ia menjadi lagi sukar kerana tempoh masa lebih pendek kepada persaraan. Ia memerlukan anda membuat caruman lebih tinggi dan mengehadkan pertumbuhan terkumpul pulangan pelaburan tersebut.

Ia boleh menjadi tugas yang sukar untuk menentukan berapakah pendapatan terakhir anda sebelum





bersara. Untuk mengetahui unjuran pendapatan akhir anda berdasarkan usia persaraan 60 tahun, anda secara mudah boleh membuat perkiraan menerusi kalkulator persaraan PPA. Layari *www.ppa.my* dan ikuti beberapa langkah mudah untuk mengetahui sebanyak manakah simpanan tambahan yang anda perlukan, selain daripada caruman KWSP anda. Unjuran gaji terakhir akan memberikan anda suatu bentuk petunjuk tentang pendapatan yang anda perlukan untuk bersara dan berapa lama ia akan bertahan, selain daripada unjuran bilangan dana persaraan yang anda patut ada untuk menjana pendapatan yang diperlukan. Anda disarankan supaya membuat semakan secara tahunan untuk mengetahui sebarang perubahan kepada kedudukan semasa pendapatan dan kemungkinan kewangan anda.

Dato' Steve Ong ialah CEO Pentadbir Pencen Swasta (PPA), pentadbir pusat bagi Skim Persaraan Swasta (PRS). PPA juga diberi peranan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk mempromosikan pertumbuhan industri PRS, mewujudkan kesedaran awam dan mendidik orang ramai mengenai penabungan persaraan. PPA juga berperanan melindungi kepentingan penyumbang-penyumbang PRS.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Kadar Rujukan Baharu Menggantikan Kadar Pinjaman Asas



Berkuat kuasa 2 Januari 2015, Kadar Asas akan menggantikan Kadar Pinjaman Asas / Kadar Pembiayaan Asas *(Base Lending Rate, BLR / Base Financing Rate, BFR)* sebagai rujukan utama bagi menentukan faedah / keuntungan ke atas pinjaman / pembiayaan runcit kadar terapung.

Apakah jenis pinjaman yang terkesan berikutan pelaksanaan Kadar Asas?

- Pinjaman / pembiayaan yang kadar faedah / keuntungan adalah mengikut kadar terapung, contohnya pinjaman perumahan atau sewa beli.

Panduan Pengguna Mengenai Kadar Rujukan

Sebelum 2 Jan 2015

BLR
Kadar Pinjaman Asas

Pinjaman yang diberikan sebelum 2 Januari 2015 akan terus dirujuk kepada **Kadar Pinjaman Asas (Base Lending Rate, BLR)** atau **Kadar Pembiayaan Asas (Base Financing Rate, BFR)** sehingga pinjaman tersebut matang.

Berkuat kuasa 2 Januari 2015

Mulai 2 Jan 2015


BR
Kadar Asas

Berkuat kuasa 2 Januari 2015, kadar rujukan baharu yang dikenali sebagai **Kadar Asas (Base Rate, BR)** akan digunakan untuk kemudahan pinjaman / pembiayaan kadar terapung yang baharu, seperti pinjaman perumahan.

BR
Kadar Asas

Peralihan kepada BR tidak memberi kesan ke atas Kadar Pinjaman Efektif

Digunakan untuk kemudahan pinjaman/pembiayaan kadar terapung yang ditawarkan kepada individu.



Apa yang anda perlu lakukan sebagai peminjam?

1. **Bandingkan** kadar pinjaman efektif yang dinyatakan oleh institusi kewangan yang berlainan sebelum membuat pinjaman baharu.
2. **Dapatkan** Lembaran Penzahiran Produk *(Product Disclosure Sheet, PDS)* yang mempunyai maklumat kadar pinjaman efektif dan jumlah pembayaran balik bagi kemudahan pinjaman / pembiayaan yang anda ingin ambil.
3. **Minta** institusi kewangan anda menerangkan faktor-faktor yang akan menyebabkan Kadar Asas berubah.
4. Jumlah pembayaran balik ansuran bulanan anda akan meningkat atau berkurang sekiranya Kadar Asas berubah.
5. Anda juga perlu membuat pengiraan sama ada anda mampu untuk terus membuat pembayaran balik pinjaman sekiranya kadar pinjaman efektif meningkat pada masa hadapan.

Nota: Institusi kewangan dikehendaki memaparkan kadar pinjaman efektif bagi pinjaman perumahan standard berjumlah RM350,000 untuk tempoh 30 tahun.

- Pinjaman / pembiayaan runcit kadar terapung baharu yang dipohon pada atau selepas 2 Januari 2015.
- Pinjaman/pembiayaan sedia ada yang terikat *(pegged)* kepada BLR / BFR akan diteruskan sehingga tarikh matang.

Adakah Kadar Asas meningkatkan kos pinjaman?

- Peralihan kepada Kadar Asas tidak akan menjejaskan kadar pinjaman efektif yang dikenakan ke atas pinjaman/pembiayaan kadar terapung.

Untuk rujukan mudah, sila rujuk kepada Panduan Pengguna seperti di atas.



Pelaburan Yang Diragui

Baru-baru ini saya telah mendapat satu risalah berkaitan dengan satu pelaburan. Pelaburan ini menawarkan pembelian lot saham syarikat dan pulangan dividen yang tinggi iaitu 15 hingga 30% sebulan dengan risiko sangat minimum. Oleh itu, saya ingin meminta nasihat tuan, bagaimana ingin memastikan syarikat ini beroperasi secara sah di Malaysia. Saya bimbang jika saya menjadi mangsa pelaburan yang tidak sah, di samping untuk berkongsi maklumat dengan pengguna lain tentang pelaburan seumpama ini.

Pengguna yang suka melabur secara sihat.

Jawapan:

Orang ramai dinasihati agar **tidak membuat sebarang pelaburan dengan individu atau entiti yang tidak dikawal selia** di bawah undang-undang yang berkaitan. Mereka juga dinasihatkan hanya melabur dengan institusi-institusi yang dilesenkan sahaja supaya mereka dilindungi oleh undang-undang yang berkaitan perbankan dan pelaburan. Pelabur-pelabur yang melabur dengan institusi-institusi yang tidak berlesen akan berhadapan dengan risiko tinggi kehilangan wang pelaburan yang akan ditanggung sendiri.

Oleh yang demikian, mereka **perlu** membuat semakan sekiranya meragui sebarang skim yang ditawarkan untuk pengesahan aktiviti-aktiviti yang berkaitan, dengan pihak berkuasa yang berkaitan seperti berikut:

- Bank Negara Malaysia: ***www.bnm.gov.my***
- Suruhanjaya Sekuriti: ***www.sc.com.my***
- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK): ***www.kpdnkk.gov.my***
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia: ***www.ssm.com.my***
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia: ***www.skm.gov.my***
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia: ***www.skmm.gov.my***
- Polis Diraja Malaysia: ***www.rmp.gov.my***

Untuk makluman, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti masing-masing telah mengeluarkan Senarai *'Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan'* dan *'Amaran Pelabur'* sebagai panduan dan rujukan segera untuk orang ramai apabila membuat keputusan berhubung dengan pelbagai perkhidmatan kewangan termasuklah pelaburan, yang ditawarkan oleh pihak yang tidak berlesen. Sila layari senarai-senarai tersebut di pautan berikut:

- ***http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_financialconsumeralert&lang=bm***
- ***http://www.sc.com.my/enforcement/investor-alerts/sc-investor-alerts/***

Sebagai panduan juga, berikut adalah ciri-ciri lazim yang terdapat pada skim pelaburan yang tidak sah:

- Pengendali mungkin berhubung melalui surat, telefon, Internet atau secara bersemuka, namun niatnya tetap sama iaitu mendapatkan wang daripada mangsa yang tidak menaruh syak wasangka untuk barangan atau perkhidmatan yang sememangnya tidak akan disediakan.
- Skim yang menjanjikan kadar faedah, pulangan atau keuntungan yang jauh lebih tinggi daripada yang ditawarkan oleh institusi kewangan berlesen untuk wang deposit mereka.
- Janji pulangan yang tinggi dan menyatakan pelaburan tersebut tiada risiko atau risiko yang rendah adalah bertujuan untuk menarik minat orang ramai supaya menyertai skim ini.
- Pelabur mungkin tidak diberikan sebarang salinan dokumen, termasuk perjanjian dengan pengendali tersebut.



"... orang ramai harus berwaspada semasa berurusan dengan entiti atau individu yang tidak dikawal selia..."

- Tiada jaminan bahawa pengendali dapat terus memberikan pulangan yang tinggi.
- Pada permulaan skim ini, pengendali akan menggunakan wang yang diterima daripada pendeposit baharu untuk memberikan pulangan tinggi atau membayar semula amaun prinsipal kepada pendeposit lama.
- Walau bagaimanapun, pengendali tidak dapat melaburkan deposit dalam usaha niaga atau pelaburan yang dapat memberikan pulangan yang sama atau yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, pengendali tidak dapat mengekalkan pulangan yang tinggi atau membayar semula wang pelabur seperti yang dijanjikan.

Sila ambil perhatian bahawa skim ini akhirnya akan gagal apabila pengendali tersebut tidak menerima deposit baharu secara berterusan. Pada masa itu, skim cepat kaya ini akan gagal dan pelabur akan kehilangan wang pelaburan mereka.

Sehubungan ini, orang ramai harus berwaspada semasa berurusan dengan entiti atau individu yang tidak dikawal selia kerana kesannya:

- Perlindungan pengguna di bawah undang-undang yang berkaitan **tidak terpakai** sekiranya orang ramai memilih untuk berurusan dengan syarikat-syarikat pelaburan yang tidak sah.
- Orang ramai yang terlibat dalam aktiviti kewangan yang tidak sah juga boleh **didakwa** di bawah undang-undang kerana bersubahat dengan pengendali aktiviti yang tidak sah ini.
- Pelabur-pelabur juga akan menghadapi kesukaran untuk mengambil tindakan undang-undang memandangkan pelaburan itu sendiri tidak sah (haram).

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada
ringgit@crrc.org.my
atau menulis kepada
Ruangan Masalah Kewangan Anda, Ringgit,
No 4, Jalan SS 1/22A, Kampung Tunku
47300 Petaling Jaya, Selangor

Rancang Perkahwinan mengikut Kemampuan



Bank Negara Malaysia
Talian Tol : **1-300-88-5465**
E-mel : **bnmtelelink@bnm.gov.my**
Laman sesawang : **www.bnm.gov.my**

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : **1-300-88-9980**
E-mel : **banks@abm.org.my**
Laman sesawang : **www.abm.org.my**

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : **1-800-88-2575**
E-mel : **enquiry@akpk.org.my**
Laman sesawang : **www.akpk.org.my**

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : **03-2272 2811**
E-mel : **enquiry@fmb.org.my**
Laman sesawang : **www.fmb.org.my**

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Kad kredit anda telah dipalsukan...

Seseorang telah mencuri identiti anda...

Akaun anda telah disalah guna...

Berwaspada!

Jangan menjadi mangsa PENIPUAN.

Berhati-hati dengan panggilan dan mesej palsu daripada mereka yang mendakwa sebagai pegawai Bank Negara Malaysia, bank swasta, penyedia utiliti atau agensi penguatkuasaan.

Ini satu PENIPUAN. Jangan panik. Fikir dahulu.

1. Bank Negara Malaysia **tidak pernah meminta** maklumat peribadi atau maklumat kewangan anda
2. Bank Negara Malaysia **tidak pernah meminta** sesiapa pun memindahkan wang ke dalam akaun pihak ketiga
3. Bank Negara Malaysia **tidak menyimpan** wang orang ramai dalam mana-mana akaun

Jika ada keraguan, sila hubungi

BNMTELELINK (Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan)

1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan melalui SMS, taip **BNM TANYA [pertanyaan/ aduan anda]** dan hantar kepada **15888**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Amaran Penipuan Kewangan** yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia

www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480)
atau kunjungi mana-mana cawangan BNMLINK di Bank Negara Malaysia:
Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching
(Waktu urusan: Isnin - Jumaat, 9:00 pagi - 5:00 petang)